

Pak Lah bukti keupayaan urus negara

Nilai dagangan lepsi RM1 trilion tangkis pihak perleceh kewibawaan PM

BT- 18/2/2007



FEBRUARI mungkin dilihat sebagai bulan untuk pelbagai angka. Daripada keterbiasaan kepada tujuh angka untuk bilangan juta, kelaziman terhadap 10 angka bagi hitungan bilion, kini dipertonton pula 13 angka untuk penjumlahan trilion.

Buat kali pertama pada 8 Februari lalu, diumumkan bahawa nilai perdagangan Malaysia mencatat rekod pada paras tertinggi melepasi RM1 trilion atau lebih tepat lagi RM1,069,000,000,000 sepanjang 2006.

Ia adalah satu perangkaan perdagangan yang belum pernah terlihat sebelumnya kerana dari segi perbandingan, ia adalah peningkatan 10.5 peratus daripada paras tertinggi RM967.8 bilion yang dicatat sepanjang 2005.

Berapa besarkah nilai RM1 trilion sebagai perbandingan kasar atau untuk kefahaman mudah? Akhbar *New Straits Times* terbitan 9 Februari lalu menyamakannya dengan kos pembinaan 555 Menara Berkembar Petronas (RM1.8 bilion setiap satu) atau boleh membeli 1,000 pesawat Airbus A380 (RM1.05 bilion setiap satu).

Bukan juga menghairankan jika Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berasa amat teruja dengan perangkaan berkenaan. Kebetulan pengumuman itu dibuat pada ketika Perdana Menteri berdepan ulangan tuduhan kononnya beliau tidak pandai mentadbir urusan ekonomi negara.

Barangkali kepada segelintir, kecenderungan mereka hanya untuk terus meneropong setiap tindak-tanduk Perdana Menteri sambil setiap tutur katanya diperhalusi, dengan kesempatan dicari untuk memperlecehkannya.

Namun, kepada Abdullah, perangkaan ekonomi sedia ada, sudah lebih daripada memadai untuk berbicara bagi pihaknya. Peningkatan aliran perdagangan – eksport negara kini bernilai RM588.949 bilion, manakala import sebanyak RM480.493 bilion – adalah petunjuk untuk menidakkan pandangan berbeza.

Satu-satunya dilema pada pihak kerajaan, walaupun ada, hanya mungkin untuk menentukan sebanyak mana dan sekerap mana statistik ekonomi harus didedahkan. Keadaannya seolah-olah jika terlalu sedikit akan menimbulkan kecurigaan, manakala terlalu banyak pula akan mengundang kehairanan.

Begitupun, pada masa ini, ia lebih menjurus kepada satu permasalahan yang menyenangkan. Ia tidak akan menjadi masalah jika ada banyak statistik pertumbuhan ekonomi untuk dijadikan tapan.

Harus juga ia diterima sebagai suatu lumrah bahawa sambil majoriti senyap akan menghargai sebarang pertumbuhan sedemikian, minoriti yang lantang akan memilih untuk terus tertumpu kepada ikhtiar mempertikaikannya serta membangkitkan pelbagai persoalan.

Kemudian, pada 13 Februari lalu, diumumkan pula sektor pembuatan tempatan menerima pelaburan langsung asing (FDI) berjumlah RM20.2 bilion tahun lalu – meningkat kira-kira 13 peratus daripada RM17.9 bilion pada 2005 dan hampir sekali ganda berbanding RM13.1 bilion pada 2004.

Lebih membanggakan, peningkatan

itu dicapai di sebalik persaingan sengit FDI pada peringkat global, sekali gus mencerminkan kekukuhan daya saing Malaysia sebagai pusat kegiatan pembuatan dan eksport.

“Banyak petunjuk menggambarkan pencapaian kita akan berterusan tahun ini kerana ekonomi dunia semakin pulih, manakala ekonomi kita bertambah kukuh dari semasa ke semasa,” kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Effendi Norwawi.

Ia dituruti jaminan bahawa kerajaan akan melaksanakan lebih banyak langkah pembaharuan meningkatkan perbelanjaan awam dan menggalakkan pelaburan swasta tahun ini bagi memastikan jumlah perdagangan negara kekal atau melepasi jumlah RM1.069 trilion tahun lalu.

“Nilai itu bukan dicapai sekelip mata,” kata Effendi. “Ia hasil perdagangan selama beberapa bulan dan jumlah ini menunjukkan aliran semakin meningkat.”

Sebaliknya, terlalu banyak perangkaan dalam terlalu singkat masa, turut mengundang persepsi berbeza. Apatah lagi media arus perdana dilihat turut ghairah menghebahkannya selama sehari-hari lamanya.

“Hebahan mengenai ekonomi cetus spekulasi pilihan raya,” kata satu tajuk berita *Reuters* yang memetik penganalisis politik sebagai melihatnya sebagai satu petanda bahawa pilihan raya umum yang tidak perlu diadakan sehingga pengal pertama 2009, mungkin dilangsungkan lebih awal.

Abdullah, seperti biasa, menawarkan alasan belum mendapat ilham untuk soal pilihan raya umum difikirkan dalam masa terdekat, sebaliknya mahu terus menumpukan perhatian terhadap pelaksanaan janji dibuat pada pilihan raya umum lalu.

“Apa yang saya fikir ialah kerja, banyak kerja ni... janji pilihan raya dulu kita buat, kita akan penuhi. Kerajaan

mahu pencapaian ekonomi sekarang ditingkatkan lagi dan prestasi tinggi itu dikekalkan selama yang boleh.

“Sudah tentu, ada aspek lain (dalam sektor ekonomi) kita harap akan dapat bertambah baik. Kita bukan ambil sikap tidak ambil peduli... kita tahu perasaan dan keluhan rakyat yang perlu difahami dan dengan itu usaha perlu dilaksanakan,” katanya.

Di sebalik latar belakang ekonomi yang bertambah baik – penguatan ringgit yang mencecah paras RM3.49 berbanding dolar Amerika serta indeks komposit yang melepasi paras 1,200 mata – tidak semua dapat dipuaskan hati mereka.

“Sejauh manakah cergasnya ekonomi kita?,” soal seorang pengkritik dengan merujuk kepada tiadanya hebahan mengenai hutang kerajaan sebagai angka tunjuk terhadap kedudukan sebenar.

Kepada persoalan itu, Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, menawarkan jawapan: “Pertumbuhan ekonomi negara dijangka tiada masalah untuk mencapai sasaran 5.8 peratus atau mengatasinya di samping kerajaan juga yakin kecergasan pasaran saham akan dapat

dipertahankan.”

Tiada banyak sebab sebenarnya untuk kenyataan itu dipertikaikan, tetapi segelintir yang taksud dengan pendirian berlawanan, pastinya akan terus mencari-cari alasan untuk apa saja yang sudah atau bakal diumumkan, diperleceh sebagai cubaan untuk mengabui pandangan ramai.

Barangkali juga mereka memang tidak sukakan kepada keadaan ekonomi yang bertambah baik. Atau harus juga ia bermakna akan terhakisnya modal mereka untuk meningkatkan tahap penentangan terhadap kerajaan.

Cuma bezanya mereka berdepan dengan seseorang yang tidak pun berminat untuk menyertai permainan mereka yang menuntut pendekatan berkonfrontasi dalam menilai siapa sebenarnya yang lebih pandai berkata-kata.

Abdullah, kelmarin, merujuk kepada satu kajian yang menunjukkan rakyat Malaysia mempunyai tahap keselesaan dan kebahagiaan keluarga yang tinggi – sesuatu yang harus berkait rapat dengan perkembangan ekonomi negara yang semakin memberangsangkan.

Pastinya juga hasil kajian itu akan turut dipertikaikan. Tentunya kepada golongan yang segelintir ini, hasil kajian yang mendapati indeks keselesaan dan kebahagiaan keluarga yang mencapai 8.2 daripada skala tertinggi 10, akan didakwa tidak mewakili pandangan ramai.

Keadaan orang ramai yang berpu-pusu berbelanja di pusat beli-belah yang mengadakan jualan sempena Tahun Baru Cina atau gerai serta restoran yang semakin sesak dengan pengunjung pelbagai bangsa, juga tidak akan diterima mereka sebagai apa-apa petanda.

Apakah ini golongan yang harus didengar pandangan mereka? Rasanya setakat ini Abdullah belum lagi bercelaru dengan senarai keutamaannya.

